

Rakyat rugi silap

SUBANG 18 Feb. — Pembatalan urusan persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya yang disebabkan oleh kesilapan teknikal telah merugikan rakyat dan mengganggu urusan pentadbiran negara, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, perkara tersebut sepatutnya tidak berlaku jika semua pihak berhati-hati.

Kesilapan

"Apa hendak buat, dalam pentadbiran sesebuah negara...kadang kala berlaku kesilapan, yang rugi adalah kita semua dan wang rakyat," katanya kepada para pemberita sekembali dari lawatan seminggu ke Bangladesh dan Pakistan di Lapang-

an Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini pagi ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas pengumuman Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Dato' Harun Din kelmarin mengenai pembatalan semua notis berkaitan dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya baru bagi Semenanjung dan Sabah yang diumumkan 26 November lalu.

Pembatalan itu bermakna penambahan 12 kerusi Parlimen baru sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen, Oktober lalu turut terbantut.

Menurut Harun, pembatalan itu terpaksa dilakukan setelah pihaknya menyedari berlakunya kesilapan teknikal berhu-

sempadanan SPR

U.M. 19 FEB 1993

bung dengan pelaksanaan Seksyen 3 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 yang diluluskan oleh Parlimen.

Harun berkata, semasa meluluskan penambahan 12 kerusi Parlimen pada Oktober lepas, SPR telah diarahkan supaya membuat urusan persempadanan itu mengikut Perkara 113 (3A) Perlembagaan Persekutuan sedangkan peruntukan yang sesuai untuk pindaan itu ialah Perkara 113 (2).

Berhati-hati

Perdana Menteri menambah, urusan persempadanan itu sepatutnya dibuat dengan berhati-hati kerana ia bersangkutan dengan peraturan dan undang-undang.

Beliau berkata, kesilapan teknikal itu bukan

sahaja 'mengganggu' urusan persempadanan tetapi juga perkara-perkara lain.

"Negara kita begitu mengikatkan diri dengan peraturan dan undang-undang sehingga perkara yang melibatkan kesilapan teknikal berlaku... kita tidak dapat laksanakan sesuatu," katanya.

Dalam hal ini, kata Dr. Mahathir, beliau tidak bercadang membelakangkan peraturan dan undang-undang.

Beliau berkata, semua pihak harus menerima hakikat bahawa apabila sesuatu berlaku hanya kerana perkara teknikal, "kita akan mempunyai 'flexibility' mengenai perkara ini... tetapi ini bukan untuk saya menentukan".

Perdana Menteri me-

nambah, "kadang kala seseorang itu tersilap menulis hari bulan dan mengemukakan dokumen yang tidak ada tandatangan, walaupun dokumen yang mempunyai tandatangan telah disediakan."

Tiada masalah

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pembatalan notis persempadanan semula kawasan pilihan raya itu tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada kerajaan sekiranya mahu mengadakan pilihan raya pada bila-bila masa.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak nampak ada masalah mengenai perkara itu kerana kerajaan boleh menggunakan peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

"Malah jika hendak adakan pilihan raya hari ini pun boleh," katanya.

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang supaya Harun Din meletakkan jawatan berikutan kesilapan itu, Perdana Menteri berkata, Lim yang sepatutnya meletakkan jawatan sebagai setiausaha agung dan menjadi pengerusi atau presiden parti itu.

"Saya cabar beliau letak jawatan setiausaha agung dan menjadi pengerusi pula. Ini kerana nampaknya jawatan setiausaha agung lebih besar daripada pengerusi atau presiden sedangkan sistem itu sudah tidak sesuai lagi pada masa ini," katanya.